

Peringatan-tiap-tiap
seorang yang mendatangkan
pertanyaan hendaklah mendatangkan
satu masalah sahaja
supaya memberi peluang
kepada orang lain
bertanya lagi



takbadu illa ayah” yang
maksudnya Tuhanmu telah
wajibkan bahawa tidak
boleh kamu menyembah selain
daripadanya (Allah). Beberapa
banyak ayat-ayat lagi yang
menegah jangan menyembah selain

Tuan Ahmad Fuad Tanjung Piandang, Kerian, Perak
bertanya: Apakah hukumnya seorang menyembah api seperti yang
dilakukan di dalam beberapa filem-filem Melayu itu?.

Hapsah binti Aith sekolah Melayu Tengku Ampuan Mariam,
Kuala Terengganu bertanya: di dalam beberapa filem-filem Melayu,
perbuatan-perbuatan mereka yang bermain di dalamnya menyembah dewa-dewa itu
apakah hukumnya.

Ismail bin Muhibbuldin R A F bertanya:
Apakah hukumnya perbuatan orang yang menyembah dewa-dewa seperti
yang dilakukan oleh pelakuan-pelakuan dalam beberapa filem-filem “Melayu”
dan lain-lainnya adakah yang demikian itu dihukumkan murtad?

Jawab: Sebelum memberi jawapan yang tepat atas nas
dalam perkara itu maka kepada ketiga-tiga yang bertanya di atas itu
hendaklah kita menerangkan bahawa syarat iman (kepercayaan)
seseorang kepada Allah itu ialah tiga - ditaksidkan
di dalam hati, dilafazkan dengan perkataan dan dilakukan dengan
perbuatan. Jika ketiga-tiga yang demikian itu tidak disempurnakan
maka tidaklah sempurna imannya mempercayai Allah. Dengan ini
maka nyata walaupun perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh mereka itu
harus tidak dengan niat untuk menyembah berhala atau api
itu tetapi kelakuan, perkataan mereka itu telah melakukan
suatu perbuatan yang menyekutukan Allah – bagi orang-orang
yang beriman – kerana Allah dengan terang telah menegah menyembah
sesuatu itu selain daripadanya.

Kaum Ad dan Samud serta kaum Jahiliah sebelum ketibaan
nabi-nabi dan Rasul Allah (alaihissalam) mereka telah menyembah
berhala-berhala itu atau api dengan kiasad hati sebagai perantaraan
jua tetapi yang demikian ialah perbuatan yang syirik yang melanggar
tegahan Allah yang tepat seperti firmanNya: *Wa qada rabbika illa*

daripada Allah.

Perbuatan-perbuatan yang menyekutukan Allah walaupun tidak dengan
niat itu, mengikut pandangan Islam suatu dosa yang besar,
dosa menyekutukan Allah dan Allah tidak mengampunkan sekiranya
orang itu tidak meninggalkannya (bertaubat). Yang demikian
itu dengan terang telah disebut di dalam Al-Quran surah An Nisaa
ayat 49 yang maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak akan
mengampunkan yang ia disekutukan – tetapi ia akan
mengampuni selain daripada itu bagi siapa yang ia
kehendaki; dan barangsiapa menyekutukan Allah maka
sesungguhnya ia membuat suatu dosa yang terang.”

Dengan keterangan-keterangan yang tersebut di atas ini kita berpendapat
bahawa perbuatan yang sedemikian itu sudah tetap menyekutukan
Allah dan berlindunglah kita daripadanya. Yang demikian ini ialah
kesalahan yang besar pada tentang ibadah dan harus orang-orang
itu disifatkan termasuk dalam golongan kaum-kaum itu
(menjalankan ibadah) sebagaimana yang tersebut di dalam hadis
Rasullullah (SAW) yang maksudnya : “ Sesiapa yang menyerupai
sesuatu kaum maka ia terhitung daripada mereka itu.”

-----*-----*

Zahar bin Zawawi, Sekolah Agama Punggu, Rengit, Batu
Pahat bertanya: Saya hendak bersekolah Inggeris tetapi
tidak diterima oleh guru itu jika tiap-tiap pagi
tidak menyembah patung emas ialah kononnya Siti Mariam ibu
Nabi Isa alahisalam. Apakah hukumnya saya menyembah
pada hal hati saya tidak meiktikadkan membesarkannya? Kiranya
menyalahi syarak adakah helahnya menjadikan tiada
dihukumkan murtad supaya saya dapat mempelajari pelajaran
bahasa Inggeris itu.

Jawab: Tentang menyembah selain daripada Allah telah tersebut jawabnya di atas tadi. Kita nasihatkan supaya berikhtiarlah mencari pelajaran bahasa Inggeris itu ke lain tempat oleh kerana walaupun menuntut ilmu itu difardhukan oleh seorang tetapi menyekutukan Tuhan itu adalah satu perbuatan yang merosakkan asas-asas agama. Yang demikian hendaknya janganlah dengan kerana itu merosakkan asas-asasnya – carilah lain tempat untuk belajar bagi menyelamatkan diri kita daripada menyekutukan Allah – berlindunglah kita daripada yang demikian itu!

-----*-----*-----

Emas Datuk Keramat Road Pulau Pinang bertanya:

Bagaimanakah hukumnya fidyah sembahyang dan puasa bagi orang mati?

Jawab – menurut hukum pada mazhab Syafie bahawa harus berfidyah puasa bagi orang mati dengan syarat puasa yang difidyahkan itu ialah puasa seseorang yang telah uzur dalam masa hayatnya tidak sempat membayar fidyah atau maktak puasanya. Bagi mereka-mereka yang meninggalkan dengan sahaja puasanya itu maka tidak harus sekalipun ia berwasiat. Tentang sembahyang tidak ada sekali-kali tersebut.

Fidyah itu lazimnya ialah memberi makan seorang fakir miskin bagi sehari jika ia telah tua dan tidak kuasa berpuasa, orang yang menyusukan anak atau mengandung ataupun orang yang sakit ataupun orang yang mempunyai tabiat di dalam hidupnya apabila ia berpuasa lalu mendatangkan sakit yang teruk dan berbagai-bagai lagi mengikut syarat-syaratnya.

Pendapatan berfidyah bagi orang mati itu telah dibantah oleh suatu kaula lagi yang menyatakan bahawa fidyah itu sesudah matinya tidak akan terpakai oleh sebab seseorang itu sudah mati putus segala amalannya dikecualikan sedekah jariahnya, anaknya yang soleh yang mendoakan kepadanya dan ilmu memberi manfaat iaitu perkara-perkara yang terbit daripada usahanya sendiri. Selain daripada itu, dikuatkan pula dengan nas Al-Quran yang maksudnya Seseorang itu tidak akan mendapat selain daripada apa yang diusahakannya.

-----*-----*-----

Bahari bin Buli kampung Nombor 2 Kuching Sarawak bertanya:- Apa katanya jikalau kita berkahwin dengan kerabat anak kita kelak menjadi bodoh.

Jawab – Yang demikian itu ialah adalah sangkaan-sangkaan jua tidak pada hakiki. Bodoh atau cerdik anak-anak itu bergantung kepada pembawaannya.

-----*-----*-----

Yahya bin Daud Jalan Haji Muhammad Kasim Kuching Sarawak bertanya-adakah sah zakat itu diberikan kepada Tuanku (Maulana) atau orang yang buta.

Jawab – perkataan Tuanku di sebelah Sarawak digunakan terhadap kepada orang-orang alawiyin yakni orang-orang keturunan yang termaklum dengan gelaran Syed. Serta sah zakat itu (1) orang fakir, (2) orang miskin, (3) amil (4) mualaf, (5) memerdekakan hamba (6) orang yang berhutang (7) sabilil Allah dan (8) musafir yang keputusan belanja. Pembahagian itu menurut faham ulama. Ada yang menghendaki dibahagikan zakat-zakat itu kepada rata-rata delapan bahagian itu dan ada pula sebahagian ulama berpendapatan boleh dibahagikan kepada salah satu daripada golongan yang delapan itu dan ada pula ulama yang berpendapatan bahawa zakat itu bagi menutup keperluan dan sebab itu. Menurut pendapatan ini diutamakan orang yang mustahak mendapatnya terlebih dahulu.

Pada masa dahulu kerabat Rasulullah (SAW) tidak diberi wang zakat oleh kerana ia mendapat bahagian baitulmal tetapi pada masa sekarang dengan kerana ketiadaan baitulmal itu mereka itu diharuskan menerima zakat jika kedudukannya telah termasuk di antara salah satu golongan yang delapan itu yang memaksakannya menghendaki kepada zakat yang tersebut. Patut diingat bahawa yang diutamakan oleh Rasulullah (SAW) dan sahabat-sahabat adalah didahulukan hak fakir dan miskin dan sebab itulah semolek-moleknya jika kita tidak terlingkung di dalam golongan itu terlebih baik menolaknya. Demikian juga jika ia buta tetapi ada berharta tidak boleh menerima zakat.

-----*-----*-----

Muhammad Jalis bin Muhammad. Kampung Cincin, Jasin

Melaka bertanya

Apa hukumnya orang yang menanam kepala kerbau kerana membentan tanah atau menjamu hantu supaya padi jangan dimakan tikus atau menjauhkan daripada penyakit.

Jawab – Di sini zahir bahawa kerbau itu disembelih sebagai suatu persembahan atau sebagai semah. Oleh kerana yang demikian itu bukan kerana Allah maka sudah tetap yang demikian itu ditegah. Menyembelih binatang bukan kerana Allah suatu tegahan sedang mengadakan persembahan kepada yang bukan daripada Allah itu ialah suatu perbuatan yang syirik.

-----*-----*-----

Koperal Syarifuddin daripada 3M Company RSC Pulau Berani bertanya – sekiranya kami berada di padang pasir yang luas air kehabisan sedang kepada kami ada ubat menahan dahaga. Pada malam hari tertidur dan bermimpi bersetubuh dengan anzal bagaimanakah kita akan bersuci – air tak ada padahal syarat bersuci dengan air.

Jawab – Agama Islam itu agama yang sesuai pada segala tempat dan pada segala masa. Syarat bersuci itu tidak hanya dengan air sahaja kerana kalau tidak didapati air seseorang itu boleh bertayamum dan silalah periksa di dalam pelajaran kitab-kitab fikah di dalam syarat-syarat bertayamum.

-----*-----*-----

Asyari Rashid Jambatan Kuala Sayung Kuala Kangsar bertanya: Seseorang beragama Islam mengatakan bahawa ia beriktikad sembahyang yang lima waktu itu tidak wajib di atasnya. Apakah hukumnya orang itu masa ia mati kelak.

Jawab – Kewajipan sembahyang itu tidak syak lagi ialah dengan firmanNya Allah di dalam Al-Quran dan menjadi rukun Islam yang utama. Apabila seseorang tidak mempercayai kepada kitab Allah ataupun syak atas hukum-hukum yang telah ditetapkan Allah yang termaktub di dalam Al-Quran itu maka orang-orang itu murtad.

-----*-----*-----

Muhammad Yusuf bin Taib Ulu Yam bertanya – Siapakah yang mewajibkan kita bertaklid kepada salah satu mazhab yang empat daripada Allah, daripada rasul atau daripada imam-imam itu sendirikah.

Jawab – Taklid itu maknanya yang asal ialah meniru dan

ertinya yang digunakan oleh ahli agama iaitu menurut perkataan atau perbuatan seseorang di dalam hal agama dengan tidak mengetahui keterangan daripada Al-Quran dan Al-Hadis dalam hal itu.

Sepanjang yang kita ketahui bahawa masalah taklid ini tidak ada diwajibkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan tidak ada dilakukan pada masa sahabat-sahabat sedang imam-imam mazhab itu sendiri terutama Imam Hanbali ada berkata: “Jangan kamu bertaklid kepada aku dan jangan kepada Malik dan jangan kepada Syafie tetapi ambil agamamu daripada mana mereka itu ambil” yakni kepada pengambil yang asal iaitu Al-Quran dan Al-Hadis.

Telah terjadi dua pertentangan di dalam perkara ini.

Pihak yang mengharuskan (bukan mewajibkan) taklid itu berpendapatan bahawa oleh kerana imam-imam itu dipandang luas penyiasatan dan ilmunya maka boleh seseorang itu mengikut kepada pandangannya. Pendapatan ini dibantah oleh orang-orang yang menegah taklid dan memberi keterangan-keterangan bahawasanya taklid itu ditegah bukan sahaja oleh nas Al-Quran dan Al-Hadis (yang diberi oleh mereka) bahkan oleh imam-imam itu sendiri seperti kata Imam Syafie: “Jika kamu dapati pendapatanku berlawanan dengan Al-Quran dan Al-Hadis maka hendaklah engkau tinggalkan dia. Oleh kerana masalah ini masalah yang besar dan panjang saya berduka cita tak dapat membentangkannya lebih jauh dan lebih jelas tentang kedua-dua faham itu nas-nasnya sekali mudah-mudahan dengan ini memadamkan dahulu bagi sementara.

-----*-----*-----

Abdul Rahim bin Sa'irin Sekolah Melayu sekarang Batu Pahat Johor bertanya: Seorang lelaki telah berkahwin dengan seorang gadis dan bersekedudukan tujuh bulan lamanya maka gadis itu menzahirkan seorang anak – adakah anak itu dihukumkan anak zina atau anak suaminya sendiri kerana kebiasaan beranak itu sembilan bulan lamanya.

Jawab – Beranak itu tidak tertentu kepada sembilan bulan. Biasa juga orang mengandung sehingga tujuh bulan. Sebalik itu ada juga orang mengandung sehingga empat tahun. Oleh yang demikian anak itu harus anaknya sekiranya perempuan itu tidak berbuat jahat sebelum ia berkahwin dengan suaminya itu.